

Headline	Kebocoran dokumen Polis mula siasat Tabung Haji		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 May 2015	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	3	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	85 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,108
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,323



Kebocoran dokumen: Polis mula siasat Tabung Haji

KUALA LUMPUR 13 Mei - Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah memulakan siasatan berhubung kes kebocoran dokumen rasmi Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) dalam urusan pembelian tanah di pusat kewangan Tun Razak Exchange (TRX) daripada 1Malaysia Development Berhad (1MDB) hari ini.

Difahamkan, sepasukan polis yang diketuai seorang pegawai wanita daripada Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) telah ke ibu pejabat Tabung Haji di Jalan

Tun Razak pada pukul 9.45 pagi ini. Mereka berada di sana selama hampir enam jam dipercayai untuk menyemak pangkalan data bagi mencari punca ketirisan dokumen yang tersebar di sebuah laman blog baru-baru ini.

Sementara itu Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar mengesahkan tentang kehadiran pegawainya ke Ibu Pejabat Tabung Haji.

Sebelum ini, Khalid berkata, siasatan kebocoran dokumen pelaburan itu menjurus dua aspek

siasatan iaitu kebocoran rahsia rasmi kerajaan dan salah guna kuasa.

Kata Khalid, pihaknya turut bermesyuarat dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Peguam Negara untuk meneruskan siasatan berhubung perkara itu Jumaat lalu.

Siasatan tersebut bertujuan mengenal pasti kemungkinan wujud unsur penyelewengan dan juga pelanggaran tertib oleh Ahli Lembaga Pengarah anak syarikat Tabung Haji mengikut Akta Syarikat.